

Najib Pulang Selepas Hadiri Asem 9 Di Vientiane
Bernama
06 November, 2012

SHAH ALAM, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kembali ke tanah air Selasa selepas menghadiri Sidang Kemuncak Asia-Eropah ke-9 (ASEM 9) di Vientiane, Laos.

Pesawat khas membawa beliau dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor mendarat di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang dekat sini kira-kira pukul 4.20 petang.

Kepulangan perdana menteri dan isteri disambut Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Maglin Dennis D'Cruz dan Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas.

Perdana menteri menyertai 48 pemimpin lain dari Asia dan Eropah pada sidang kemuncak dua hari itu dengan tema "Rakan untuk Keamanan, Rakan untuk Kemakmuran", yang berakhir hari ini.

Pada sidang kemuncak itu, pemimpin-pemimpin ASEM membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa yang menyentuh kepentingan dan keprihatinan bersama termasuk soal makanan dan keselamatan tenaga, pembangunan mapan, krisis kewangan dan ekonomi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707484>